



# HEBAHAN RASMI UNIT PEPERIKSAAN

## PERMOHONAN CREDIT TRANSFER COURSE EXEMPTION (CTCE) SESI I : 2024/2025

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Dimaklumkan bahawa permohonan CTCE Sesi I : 2024/2025 telah dibuka bermula **29 Julai hingga 15 Ogos 2024**. Pelajar yang layak memohon CTCE adalah seperti berikut ;

**Pindahan Kredit Mendatar** - Pelajar bertukar program di politeknik yang sama, pelajar berpindah politeknik dan pelajar dari PPT lain berpindah ke politeknik dalam peringkat yang sama (diploma ke diploma)

**Pindahan Kredit Menegak** - pelajar lulusan sijil dari kolej komuniti@PPT lain menyambung pengajian ke diploma politeknik

Permohonan CTCE hendaklah dilakukan dalam tempoh TIGA (3) minggu selepas bermulanya sesi pertama pengajian di PSIS sekiranya memenuhi kriteria yang ditetapkan di dalam Garis Panduan CTCE Politeknik Malaysia yang sedang berkuatkuasa.

Bagi tujuan permohonan, pelajar perlu mengemukakan slip keputusan peperiksaan dan sukatan kursus terdahulu yang telah disahkan. Urusan mendapatkan maklumat kursus yang dimohon untuk tujuan pemetaan adalah **TANGGUNGJAWAB PELAJAR**. Pelajar perlu mengemukakan permohonan melalui pegawai yang dilantik oleh jabatan masing-masing. Permohonan yang **TIDAK lengkap akan ditolak**.

Sekian, terima kasih.

**Setiausaha Jawatankuasa Induk CTCE**

**Politeknik Sultan Idris Shah**

30 Julai 2024